

Pengaruh Kepercayaan, Motivasi dan Niat terhadap Golongan Belia dalam Aktiviti Sukarela di Malaysia

Siti Raba'ah Hamzah*, Turiman Suandi & Azimi Hamzah

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRACT

Voluntary activity is not new in Malaysia, but the activity has passed a new phase involving all citizens in all shapes and voluntary programs. The increased numbers of volunteers are more prominent the youth group than the other. This study was conducted to find out the factors that encourage youth participation in volunteer activities; beliefs, motivations and intentions through the design and validation of a structural equation model. A total of 251 respondents aged 15 to 25 years (M age = 21.21, SD = .45) were randomly selected. The characteristic of variable and relationship between variables in structural equation models were determined through self-administered questionnaire. Structural equation modeling analysis showed a significant relationship between variables, motivation, beliefs and intentions of youth participation in volunteer activities. Studies also indicate the essential elements that encourage participation in voluntary activities. Implications and recommendations on participation in volunteer activities are also discussed.

Keywords: voluntary activity, motivations, beliefs, intentions, youths

Abstrak

Aktiviti sukarela bukanlah perkara baharu di Malaysia, malahan aktiviti tersebut telah melepasi fasa baharu yang melibatkan seluruh warganegara dalam pelbagai bentuk dan program sukarela. Peningkatan bilangan sukarelawan yang terdiri daripada golongan belia adalah jauh lebih menonjol berbanding dengan golongan lain. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui faktor yang menggalakkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukarela; kepercayaan, motivasi dan niat melalui reka bentuk dan pengesahan model persamaan struktural. Seramai 251 responden yang berumur 15 hingga 25 tahun (M umur = 21.21, SD = .45) dipilih secara rawak. Ciri-ciri pemboleh ubah dan hubungan pemboleh ubah dalam model persamaan struktural ditentukan melalui pengumpulan data borang soal selidik (tadbir sendiri). Analisis model persamaan struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah motivasi dan niat terhadap penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukarela. Kajian juga menunjukkan elemen-elemen penting yang mendorong penglibatan untuk aktiviti sukarela. Implikasi dan cadangan penting penglibatan dalam aktiviti sukarela juga dibincangkan.

Kata kunci: aktiviti sukarela, motivasi, kepercayaan, niat, golongan belia

PENGENALAN

Aktiviti sukarela di Malaysia semakin berkembang dan mendapat tempat dalam masyarakat. Kajian menunjukkan lebih 74.6 peratus (5019) golongan belia yang terlibat sebagai responden menyatakan mereka sedang terlibat dengan aktiviti serta program sukarela yang dijalankan (Turiman, Siti Raba'ah, Wan Mahzom, Mohammad Rezal, Azizan, Wan Ibrahim & Ismail, 2011). Hasil kajian ini menunjukkan sebahagian daripada masyarakat di Malaysia sedia terlibat dengan aktiviti sukarela. Menurut Azizan (2013) aktiviti sukarela di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu sukarelawan jangka masa pendek dan sukarelawan yang berterusan. Sukarelawan jangka masa pendek ialah

*Corresponding author: sitirabaahamzah@gmail.com

ISSN: 2289-...X ©Universiti Putra Malaysia Press

mereka yang melakukan kerja sukarela secara sekala (*one-off*) dalam tempoh masa yang pendek. Sukarelawan berterusan pula ialah mereka yang melakukan kerja sukarela secara konsisten dalam jangka masa yang panjang, yakni kerja sukarela dilakukan berulang-ulang atau terus-menerus seperti suatu tugas. Umumnya, aktiviti dan program sukarela dapat mempromosikan sikap yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab, cinta akan negara dan bangsa, mempunyai semangat kerjasama serta sifat keprihatinan terhadap seluruh masyarakat di dunia.

Menurut Siti Hawa (2002), penglibatan masyarakat di Malaysia dalam aktiviti sukarela pada peringkat awal dipelopori oleh golongan dewasa berbanding golongan muda. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini menunjukkan lebih ramai golongan muda yang terdiri daripada pelajar sekolah, kolej dan universiti yang terlibat dengan aktiviti sukarela. Sebagai contoh, perkembangan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar IPT dapat dilihat daripada pertambahan program kesukarelawanan terutamanya khidmat masyarakat dan bakti siswa. Bagi memastikan aktiviti kesukarelawanan ini berjalan lancar dan lebih profesional, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menubuhkan Majlis Kesukarelawanan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM) pada tahun 2007. MASKUM bertindak sebagai perancang, pembimbing, dan pendorong kepada pelajar IPT bagi melaksanakan aktiviti sukarela selain membantu menyemai perasaan kebertanggungjawaban dalam kalangan mereka. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan merupakan gabungan IPT dengan MASKUM serta komuniti sasaran yang terlibat terutamanya mangsa bencana. Kebanyakan pelajar yang terlibat pula adalah secara sukarela.

Seterusnya, perkembangan aktiviti sukarela pada peringkat sekolah telah bermula lebih awal, iaitu di sekolah rendah dengan persatuan pengakap, pandu puteri, pasukan St. John Ambulan, Bulan Sabit Merah dan lain-lain. Selain itu, beberapa program dan aktiviti sukarela turut diperkenalkan pada peringkat sekolah menengah seperti kadet remaja, puteri Islam, kadet bomba, kadet polis dan silat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggalakkan pelajar menganggotai aktiviti sukarela dan memberikan kredit khas kepada mereka bagi tujuan menyambung pengajian ke peringkat kolej dan universiti. Secara keseluruhannya, kerajaan Malaysia menyambut baik aktiviti dan program sukarela apabila meraikan Hari Sukarelawan Antarabangsa yang telah disarankan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 5 Disember setiap tahun (United Nation). Hari Sukarelawan Antarabangsa disambut bagi mengiktiraf peranan yang dijalankan oleh semua sukarelawan yang memberi khidmat dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia. Pada hari tersebut juga pelbagai badan sukarela daripada pihak kerajaan, swasta dan persendirian bergabung dari segi tenaga, masa dan harta benda untuk bekerjasama dalam melaksanakan program sukarela.

Secara umumnya, pelbagai sebab dan faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk bersukarela. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor kepercayaan, motivasi dan niat yang mempengaruhi golongan belia untuk terlibat dengan aktiviti sukarela berlandaskan teori gelagat terancang oleh Ajzen (1991). Hasil kajian diharapkan dapat menjelaskan serta membantu mencari strategi dan tindakan yang lebih sesuai untuk memastikan kemapuan sumber tenaga manusia yang berterusan daripada golongan belia dalam melibatkan diri dengan aktiviti dan program sukarela di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Teori gelagat terancang yang dikemukakan oleh Ajzen (1991) digunakan sebagai landasan kepada kajian ini. Kajian ini akan menghuraikan faktor sikap dan faktor norma subjektif dalam teori berkenaan kepada dimensi yang lebih khusus iaitu kepercayaan, motivasi dan niat dalam menerangkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukarela. Teori gelagat terancang merupakan satu model teoritikal yang seringkali dikaitkan dengan cabang psikologi sosial yang menerangkan situasi seseorang individu yang tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap sesuatu gelagat. Teori ini juga menjelaskan niat untuk melaksanakan sesuatu gelagat dipengaruhi oleh sikap terhadap gelagat, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap. Walau bagaimanapun, belum ada kajian yang dilaporkan dalam bidang kesukarelawanan di Malaysia yang berasaskan teori gelagat terancang. Sebagai sebuah model dan juga teori umum yang menghuraikan tentang sikap, norma dan kawalan terhadap gelagat seseorang individu, dijangkakan teori ini dapat menerangkan dengan jelas faktor penyebab kepada penyertaan golongan belia terhadap aktiviti kesukarelawanan di Malaysia. Dalam kajian ini, faktor penyebab kepada penyertaan aktiviti kesukarelawanan ditentukan oleh tiga faktor utama iaitu kepercayaan, motivasi dan niat.

Kajian niat gelagat kepatuhan kepada aktiviti sukarela banyak dijalankan di luar negara. Menurut Law dan Shek (2009) aktiviti sukarela adalah cabang yang terpenting dalam tingkah laku prososial dan merupakan tingkah laku yang disebabkan oleh niat gelagat kepatuhan dalam diri. Aktiviti sukarela bukanlah aktiviti yang spontan, malahan disebabkan oleh faktor sikap. Olson dan Zanna (1993) mengaitkan faktor kepercayaan, sikap dan niat gelagat kepatuhan lebih menonjol untuk memotivasikan seseorang individu agar terlibat dalam aktiviti sukarela. Bagi tujuan kajian ini, niat gelagat individu sukarela terhadap aktiviti sukarela yang ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap. Teori gelagat ini diramalkan dapat

menerangkan gelagat manusia dalam gelagat yang lebih spesifik, iaitu penglibatan dengan aktiviti sukarela yang dipengaruhi oleh niat gelagat iaitu kepercayaan, motivasi dan niat.

Kepercayaan terhadap aktiviti sukarela dalam kalangan belia

Kajian dan perbincangan mengenai sikap terhadap aktiviti sukarela dipelopori oleh Clary et al. (1998) dan Law (2008) dengan menyenaraikan lima tahap kepercayaan seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarela berasaskan fungsi serta peranan, iaitu: 1) memenuhi tuntutan orang lain berbanding tuntutan diri sendiri dengan membantu dan menghulurkan bantuan; 2) memenuhi tuntutan sendiri, iaitu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran; 3) mempertingkatkan interaksi sosial; 4) mendapatkan peluang kerjaya dan menambah kawalan jaringan; dan 5) memperkaya keperluan psikososial seperti meningkatkan keyakinan diri, daya saing dan juga keberanian. Walau bagaimanapun, sesetengah sukarelawan beranggapan bahawa aktiviti sukarela sebagai memenuhi tuntutan keperluan sosial terhadap masyarakat, manakala sebahagian menganggap aktiviti sukarela sebagai kemahiran yang perlu digarap untuk diri sendiri.

Menurut Ajzen (1991) dalam teori gelagat terancang, sikap merupakan pemboleh ubah utama yang menentukan gelagat seseorang. Peningkatan gelagat kepatuhan adalah berdasarkan usaha dan penilaian baik atau tidak baik seseorang ke atas sesuatu gelagat, justeru teori gelagat terancang ini dapat membantu mengenal pasti tahap penglibatan sukarelawan di Malaysia. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi input penting kepada penggubal dasar dan penganjur program dan aktiviti sukarela untuk merancang dan melaksanakan program yang seterusnya. Sebagai sebuah negara yang meningkat maju, keperluan kepada modal insan golongan belia yang lebih berkualiti perlu dipupuk melalui aspek psikososial yang telah dikenal pasti melalui penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Motivasi dan penglibatan dalam aktiviti sukarela

Teori gelagat terancang oleh Ajzen (1991) turut menghuraikan kepentingan norma subjektif dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan. Dalam menjalankan aktiviti sukarela, faktor motivasi merupakan unsur utama yang mendorong individu belia untuk terlibat dengan lebih aktif. Clerkin, Paynter dan Taylor (2009) mendapati ciri-ciri yang dimiliki oleh individu, iaitu pendapatan dan latar belakang keluarga, identiti politik, jantina, sosialisasi dalam keluarga dan pengalaman serta pendedahan di sekolah sebagai motivasi yang mendorong untuk terlibat dengan aktiviti sukarela.

Umumnya, motivasi dalam aktiviti sukarela juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Teori pembelajaran sosial (Bandura, 1977) dan teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 1989) menekankan gelagat kepatuhan merupakan hasil interaksi antara individu dan faktor persekitaran seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah dan keejiran. Gelagat kepatuhan faktor persekitaran dalam aktiviti sukarela akan menyebabkan individu terpengaruh untuk terlibat sama. Teori pembelajaran sosial Bandura (1977) merujuk kepada pemerhatian terhadap orang lain serta peniruan gaya mereka, manakala teori ekologi manusia menegaskan keakraban dengan rakan sebaya dan individu sekeliling akan menyebabkan kepercayaan kepada sesuatu, diterima dan dibenarkan berlaku. Oleh itu, motivasi yang disebabkan oleh faktor persekitaran adalah penting untuk mendorong penglibatan seseorang individu dalam aktiviti sukarela.

Kajian mendapati motivasi dalam aktiviti sukarela turut dipengaruhi oleh pemboleh ubah seperti agama, pembangunan masyarakat, upah, sokongan, pembangunan kerjaya, trend, tahap pengetahuan dalam kerja-kerja sukarela dan tahap pengetahuan dalam pertubuhan sukarela mempunyai hubungan yang signifikan dengan aktiviti kesukarelawan (Turiman et al., 2011). Hyde dan Knowles (2013) telah mengenal pasti sembilan aspek penting yang memotivasikan golongan belia untuk terlibat dengan aktiviti sukarela iaitu: 1) aspirasi dan keinginan untuk membantu orang yang kesusahan; 2) membuat orang lain gembira dengan masa yang diberikan; 3) menyokong masyarakat setempat; 4) menyertai ahli keluarga yang terlibat; 5) membalas budi kepada ahli sukarelawan; 6) menyayangi insan yang memerlukan; 7) menyumbang barang keperluan orang yang memerlukan; 8) mengisi masa yang terluang; dan 9) bertanggungjawab kepada agensi sukarela.


Kajian mendapati sikap altruistik merupakan faktor yang memotivasikan golongan belia supaya terlibat dalam aktiviti sukarela (Zaliha & Mohd Ramlan, 2012). Mengikut teori Maslow (1964), sikap altruistik yang ada pada seseorang individu mendesak individu tersebut untuk mencari jalan bagi memenuhi aspirasi tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Wilson (2000) mendapati bahawa pihak penganjur perlu menyediakan program dan aktiviti yang boleh merangsang sukarelawan untuk terlibat dengan berasaskan teori keperluan hierarki oleh Maslow melalui tiga aspek, iaitu rasa kekitaan, harga diri dan penghakikian diri.

Niat dan penglibatan dalam aktiviti sukarela

Menurut teori gelagat terancang Ajzen (1991), kawalan gelagat ditanggap adalah darjah kawalan individu terhadap sesuatu gelagat yang akan dilakukan. Dalam aktiviti sukarela, faktor niat ialah pemboleh ubah kawalan gelagat ditanggap yang mencerminkan persepsi seseorang individu. Sebagai contoh, banyak sumber luaran yang mempengaruhi niat untuk terlibat dalam aktiviti sukarela seperti bersedia menyumbang masa dan harta benda, berkongsi idea, berminat terhadap aktiviti yang dijalankan dan sebagainya. Manakala, sumber dalaman termasuklah kemahiran, keupayaan, maklumat, sumber manusia yang dimiliki, emosi, personaliti dan sebagainya. Pertembungan di antara kedua-duanya, iaitu sumber luaran dan dalaman akan menentukan kawalan gelagat ditanggap dapat diteruskan sehingga menggerakkan sesuatu tingkah laku untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Walau bagaimanapun, menurut teori ini sungguhpun seseorang sukarelawan mempunyai niat yang sangat kuat untuk melaksanakan program dan aktiviti sukarela namun kekurangan sumber dalaman dan luaran akan menyebabkan usaha ini terbantut.

Hyde dan Knowles (2013) serta Penner (2004) melaporkan kesukarelawan adalah satu konsep yang mempunyai hubung kait dengan teori gelagat terancang Azjen. Seseorang individu akan membuat pertimbangan dalam dirinya berasaskan faedah serta faktor yang memotivasikan serta mendorong untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Kajian mengenai niat untuk terlibat dalam program dan aktiviti sukarela dalam kalangan belia di Malaysia masih berkurangan, namun begitu terdapat kajian (Chacon, Vecina, & Davila, 2007) yang membuktikan faktor niat sebagai sumber yang terkuat mempunyai hubungan dengan aktiviti sukarela. Seterusnya terdapat tiga kajian yang dijalankan di Australia yang membuktikan teori gelagat terancang Azjen mampu menerangkan pengaruh faktor niat terhadap sukarelawan; Greenslade dan White (2005) menerangkan 75% varians; Warburton dan Terry (2000) 55% varians dan Okun & Sloane (2002) mendapati 66% varians untuk terlibat dengan aktiviti sukarela.

Sehubungan itu, dalam kajian ini dijangkakan dapat menjelaskan bahawa individu yang mempunyai kawalan gelagat ditanggap tinggi sepatutnya mempunyai niat yang tinggi untuk bergerak aktif dalam program dan aktiviti sukarela berbanding dengan mereka yang rendah kawalan gelagat ditanggapnya. Oleh yang demikian rangka kerja kajian ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka teori gelagat kepatuhan kepada penglibatan aktiviti sukarela (berasaskan Teori Gelagat Terancang, Azjen, 1991)

Berdasarkan perbincangan ini, hipotesis yang dicadangkan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

H1 kepercayaan terhadap aktiviti sukarela mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

H2 motivasi terhadap aktiviti sukarela mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

H3 niat terhadap aktiviti sukarela mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Reka bentuk kajian

Kajian soal selidik ialah kaedah utama pengumpulan data kajian. Pengumpulan data dijalankan dari bulan Mac 2013 hingga Mei 2013. Penyelidik telah menghubungi Pegawai Belia dan Sukan di Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia bagi mendapatkan persetujuan untuk bertemu dengan sukarelawan di 14 buah negeri di Malaysia. Surat jemputan untuk menyertai kajian ini telah dihantar oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri kepada persatuan sukarelawan belia di 14 buah negeri. Penyelidik telah pergi menemui sukarelawan di setiap negeri mengikut temu janji yang telah disusun dan dipersetujui. Pada setiap pertemuan, penyelidik telah memberikan maklumat tentang kajian ini secara ringkas dan meminta sukarelawan mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan. Seramai 251 sukarelawan yang telah terlibat secara rawak.

Kajian menggunakan instrumen yang terdiri daripada tiga pemboleh ubah, iaitu kepercayaan, motivasi dan niat. Sebanyak 23 item telah dipilih bagi mengukur faktor kepercayaan, 22 item untuk mengukur motivasi dan 20 item bagi mengukur faktor niat yang mempengaruhi penglibatan golongan belia terhadap aktiviti kesukarelawanan. Semua data yang telah dikumpulkan telah diberikan kod dan dimasukkan dalam komputer untuk tujuan penganalisan data. Data telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan Model Persamaan Berstruktur (SEM) bagi menguji secara statistik sama ada sampel kajian dapat mengesahkan model yang telah dibentuk untuk kajian ini. SEM telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini sebagai alat pengenalpastian sama ada perhubungan antara semua pemboleh ubah dalam model yang dicadangkan oleh pengkaji adalah benar dalam kalangan responden kajian. Selain itu, SEM juga sebagai alat perkembangan model, iaitu jika model yang diuji tidak sepadan dengan data kajian, SEM akan mencadangkan perhubungan baru antara semua pemboleh ubah (Schumacker & Lomax, 2010).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil responden kajian

Jadual 1.0, sampel kajian menunjukkan kepelbagaian latar belakang demografi responden yang mewakili sukarelawan golongan belia di Malaysia dari segi jantina, bangsa, agama, tempat tinggal dan umur. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini memaparkan sampel adalah mewakili populasi kajian. Jadual 1.0 menunjukkan responden terdiri daripada sukarelawan perempuan (51.0%), sukarelawan lelaki (49.0%), berbangsa Melayu (84.1%), Cina (7.6%), India (3.6%), beragama Islam (86.9%), Buddha (5.6%), Kristian (3.6%) dan Hindu (3.6%). Hampir separuh responden (49.4%) adalah berumur dalam lingkungan 19 hingga 22 tahun, 15 hingga 18 tahun (29.9%) dan 23 hingga 25 tahun (20.7%). Lebih separuh responden tinggal di luar bandar (54.2%), di bandar raya (40.6%), manakala selebihnya adalah di pedalaman (4.0%).

JADUAL 1:

Maklumat demografi responden kajian (n=251)

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	128	51.0
	Perempuan	123	49.0
Bangsa	Melayu	211	84.1
	Cina	19	7.6
	India	9	3.6
	Lain-lain	12	4.7
	Agama	Islam	218
	Buddha	14	5.6
	Hindu	9	3.6
	Kristian	9	3.6
	Lain-lain	1	.4
Tempat tinggal	Bandar raya	102	40.6
	Luar bandar	136	54.2
	Pedalaman	10	4.0
	Lain-lain	3	1.2
Umur	15-18	75	29.9
	19-22	124	49.4
	23-25	52	20.7
	Min = 21.21; Median = 21; Mod = 21		

Analisis faktor pengesahan

Terdapat dua peringkat dalam SEM yang telah dijalankan oleh penyelidik, iaitu menganggarkan model pengukuran dan menguji model yang sebenar yang tepat dengan kajian (Hair et al., 2010). Beberapa ukuran kesepadanan yang digunakan ialah *Goodness-of-fit statistic* - GFI (Byrne, 2005) dan *Root Mean Square of Error Approximation* – RMSEA mewakili *Absolute Fit Measure*, *Normed Fit Index* (NFI), *Tucker-Lewis Index* – TLI dan *Comparative Fit Index* – CFI bagi mewakili *Incremental Fit Measure*, manakala *Normed Chi Square* (χ^2/df) mewakili *Parsimonious Fit Measure* (Hair et al., 2010; Hu & Bentler, 1999; Browne & Cudeck, 1993).

Analisis Faktor Eksploratori (*Exploratory factor analysis* - EFA) telah dijalankan bagi menguji hubungan di antara kesemua item bagi pemboleh ubah kepercayaan, motivasi dan niat serta dikelompokkan mengikut komponen yang tertentu. Bagi memastikan kesesuaian saiz sampel, ujian kecukupan persampelan *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) yang menguji kesesuaian saiz sampel dan ujian *Sphericity Bartlett* yang memeriksa korelasi antara pemboleh ubah telah dijalankan dan menunjukkan nilai KMO .70. Menurut Hair et al. (2010) nilai KMO hendaklah melebihi .60 dan ujian *Sphericity Bartlett* ($p < .05$) menunjukkan ketepatan dan nilai yang signifikan.

Bagi mendapatkan keesahan kandungan dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis* - CFA) melalui teknik Model Persamaan Berstruktur (SEM) yang membantu mengenal pasti item yang digunakan dan jumlah sebenar konstruk atau pemboleh ubah yang diperlukan bagi menjawab tujuan kajian. Menurut Hair et al. (2010) kelebihan menggunakan teknik SEM adalah dapat menguji kebolehppercayaan dan keesahan konstruk instrumen kajian melalui kebolehppercayaan komposit (*composite reliability*) dan keesahan konstruk melibatkan keesahan memusat (*convergent validity*) dan keesahan pendiskriminan (*discriminant validity*).


JADUAL 2:

Ujian kesepadanan bagi model pengukuran untuk semua item dan pemboleh ubah dalam kajian

Indeks GOF	$\chi^2/df/$ CMIN	GFI	CFI	IFI	TLI	RMSEA
Kepercayaan	1.130	.992	.999	.999	.999	.020
Motivasi	2.895	.981	.993	.993	.984	.075
Niat	1.214	.982	.999	.989	.998	.025

Jadual 2.0 menunjukkan nilai χ^2/df (CMIN/DF) bagi model CFA bagi semua pemboleh ubah yang tidak melebihi nilai 5.0 menunjukkan kesesuaian data yang dicerap dengan model. Nilai lain ialah GFI, CFI, NFI dan TLI yang mempunyai nilai yang melebihi 0.9 dan nilai RMSEA yang tidak melebihi .08 (Hair et al., 2010).

Ujian CFA peringkat kedua telah dijalankan bagi mendapatkan item yang benar-benar mengukur pemboleh ubah motivasi, kepercayaan dan niat dengan aktiviti kesukarelawanan. Hasil analisis menunjukkan model pengukuran yang telah dijalankan memberikan kesepadanan ujian yang baik untuk CFA dengan $\chi^2 = 451.422$, $df = 240$, $p = .000$, $\chi^2/df = 1.881$, NFI = .934, IFI = .968, CFI = .968, TLI = .963 dan RMSEA = .059. Kesemua analisis kesepadanan yang telah dijalankan menunjukkan NFI, IFI, CFI, dan TLI yang melebihi nilai .90 dengan nilai RMSEA dalam julat antara yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010), iaitu tidak melebihi nilai .08, dan menunjukkan kesesuaian model kajian dengan data yang dicerap.



Rajah 1.0: Analisis Faktor Pengesahan (CFA) bagi model pengukuran kajian pengaruh faktor kepercayaan, motivasi dan niat golongan belia terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela

Jadual 3.0 menunjukkan *unstandardized* dan *standardized regression weight* bagi ujian hipotesis *path analysis* untuk model pengukuran hubungan di antara kepercayaan, motivasi dan niat terhadap gelagat kepatuhan aktiviti sukarela. Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah kepercayaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan melalui ujian *critical ratio* ($> \pm 1.96$, $p < .05$). Keputusan pengujian hipotesis menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($\beta = .062$, $C.R = 1.265$, $p = .206$) antara kepercayaan terhadap aktiviti sukarela dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Seterusnya, Jadual 3.0 juga menunjukkan *unstandardized* dan *standardized regression weight* bagi ujian hipotesis *path analysis* untuk model pengukuran hubungan di antara motivasi terhadap gelagat kepatuhan aktiviti sukarela. Pemboleh ubah motivasi menunjukkan hubungan yang signifikan melalui ujian *critical ratio* ($> \pm 1.96$, $p < .05$) dengan ($\beta = .229$, $C.R = 3.876$, $p = .000$). Keputusan pengujian hipotesis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi terhadap aktiviti sukarela dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Seterusnya, Jadual 3.0 menunjukkan *unstandardized* dan *standardized regression weight* bagi ujian hipotesis *path analysis* untuk model pengukuran hubungan di antara niat dengan gelagat kepatuhan terhadap aktiviti sukarela. Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah niat mempunyai hubungan yang signifikan melalui ujian *critical ratio* ($> \pm 1.96$, $p < .05$) dengan ($\beta = .691$, $C.R = 10.123$, $p = .000$). Keputusan pengujian hipotesis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara niat terhadap aktiviti sukarela dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela.

JADUAL 3:

Ujian hipotesis *path analysis* bagi model pengukuran hubungan antara kepercayaan, motivasi dan niat dengan aktiviti sukarela

Ujian hipotesis (<i>Path analysis</i>)		Anggaran	S.E.	β	C.R.	P
Kepercayaan	---> SUKARELA	.067	.053	.062	10.123	.206
Motivasi	---> SUKARELA	.230	.059	.229	3.876	.000
Niat	---> SUKARELA	.749	.074	.691	6.273	.000

Keputusan analisis kajian menunjukkan Hipotesis 1 yang menguji hubungan antara kepercayaan dengan niat terhadap aktiviti sukarela tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela. Hasil kajian ini telah mengenal pasti bahawa faktor kepercayaan tidak dapat menentukan penglibatan belia terhadap aktiviti sukarelawan. Walaupun banyak teori mengaitkan aspek kepercayaan sebagai asas yang kuat menyebabkan individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarela seperti yang telah disenaraikan oleh Clary et

al. (1998) dan Law (2008), namun hasil kajian ini tidak menyokong teori tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan pemboleh ubah kepercayaan hanya menyumbang sebanyak 6% varians kepada faktor yang mempengaruhi penglibatan terhadap aktiviti sukarela.

Hasil kajian ini telah menunjukkan Hipotesis 2 iaitu faktor motivasi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela. Oleh yang demikian, hasil kajian telah menyokong teori gelagat terancang oleh Ajzen (1991) melalui faktor motivasi yang merupakan kepentingan norma subjektif dalam diri individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarelawan. Secara umum, faktor persekitaran seperti keluarga, jiran, rakan sebaya, masyarakat setempat dan institusi sekolah adalah sumber utama kepada tahap motivasi individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Kajian juga turut menyokong dapatan kajian oleh Turiman *et al.*, bahawa aspek motivasi mempunyai hubungan terhadap aktiviti kesukarelawanan yang disertai. Selain itu, kajian memperkukuh Teori Ekologi Manusia oleh Bronfenbrenner (1989) bahawa faktor persekitaran merupakan aspek utama yang menggalakkan serta memainkan peranan memotivasikan seseorang individu untuk terlibat dengan pembangunan masyarakat termasuklah aktiviti kesukarelawanan. Hasil kajian memaparkan sukarelawan belia di Malaysia dipengaruhi oleh faktor motivasi bagi menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti sukarela. Motivasi yang bersifat dalaman serta luaran sebagai penyebab kepada penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. Faktor dalaman yang mempengaruhi sukarelawan belia termasuklah meningkatkan keyakinan diri, menghilangkan rasa sunyi, meneroka bidang kerjaya yang diminati, membina rangkaian sosial dengan masyarakat dan meningkatkan harga diri. Selain itu, faktor luaran yang mempengaruhi sukarelawan belia di Malaysia pula termasuklah kesediaan organisasi sukarela menyediakan peluang untuk bersukarela, masih ramai masyarakat yang memerlukan bantuan sukarelawan, menyertai ahli keluarga sebagai sukarelawan, aktiviti sukarela sebagai satu sistem dalam masyarakat dan juga menambah rakan serta kenalan yang baru. Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah motivasi menyumbang sebanyak 23% varians kepada penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Seterusnya Hipotesis 3 yang menguji hubungan di antara faktor niat terhadap aktiviti sukarela mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti sukarela. Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah niat menyumbang sebanyak 69% varians kepada penglibatan dalam aktiviti sukarela. Antara faktor yang mendorong belia untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan ialah belia amat cenderung untuk menyertai aktiviti sukarela, belia amat berminat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sukarela, belia berhasrat untuk terus bersukarela dalam organisasi sukarela dan belia ingin kekal sebagai sukarelawan jangka panjang. Golongan sukarelawan belia juga menggalakkan rakan mereka untuk menceburkan diri dalam aktiviti sukarela. Selain itu golongan sukarelawan belia turut menganjurkan program dan aktiviti sukarela. Kecenderungan, minat, kesediaan, perancangan serta hasrat yang sedia ada dalam diri sukarelawan belia perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak yang berkaitan supaya niat ini dapat direalisasikan. Di samping itu, sumber tenaga golongan belia dapat digunakan dengan sebaik mungkin bagi menampung keperluan semasa tenaga sukarela membangunkan negara.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian dapat memberikan gambaran sebenar faktor yang mempengaruhi penglibatan sukarelawan golongan belia iaitu motivasi dan juga niat terhadap aktiviti sukarela. Dapatan kajian dapat memberikan panduan kepada pihak penganjur program atau aktiviti sukarela yang dijalankan di seluruh Malaysia. Pihak yang berkaitan dapat memberikan tumpuan dengan menyokong golongan belia melalui motivasi seperti menyediakan peluang dan ruang kepada sukarelawan untuk berkhidmat ataupun memulakan kerjaya yang berkait dengan organisasi sukarela. Badan-badan sukarela juga dapat menyediakan usaha yang efektif dengan memberi hak upaya kepada sukarelawan belia semasa penglibatan mereka dalam aktiviti sukarela seperti kemahiran kepemimpinan, kemahiran membuat keputusan, pembentukan personaliti, kemahiran komunikasi dan juga kemahiran dalam interaksi sosial. Walau bagaimanapun, bukan semua badan sukarela dapat menyediakan khidmat yang sedemikian, namun usaha yang sewajarnya dapat membantu dan menarik lebih ramai golongan belia melibatkan diri dalam aktiviti sukarela.

Hasil kajian juga telah memberikan panduan penting kepada penganjur program dan aktiviti sukarela mengenai niat sebagai faktor yang terpenting mempengaruhi sukarelawan belia untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Berdasarkan niat murni yang ada pada setiap sukarelawan belia, pihak penganjur sepatutnya mengambil peluang menghebahkan serta mempromosi secara menyeluruh setiap program serta aktiviti sukarela yang hendak dilaksanakan dengan lebih sistematik. Pihak penganjur juga perlu merancang strategi yang lebih berkesan untuk meletakkan sukarelawan belia sesuai dengan kemampuan serta keupayaan mereka dalam semua program dan aktiviti sukarela di Malaysia.

Hasil kajian juga menunjukkan faktor niat adalah yang terpenting menyumbang kepada penglibatan sukarelawan dalam aktiviti sukarela. Oleh itu, perkembangan dan pembangunan manusia yang disarankan oleh

Bronfenbrenner (1989) boleh diaplikasikan untuk tujuan sukarela bersama dengan komuniti dan persekitaran seseorang individu. Penggembleran usaha serta keprihatinan semua agen sosialisasi ini dapat mempertahankan niat serta mendorong individu untuk menyertai program dan aktiviti sukarela yang dianjurkan oleh komuniti setempat seperti ahli keluarga, kejurangan, sekolah dan sebagainya. Bagi menyerlahkan lagi penglibatan sukarelawan belia, pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan serta keperluan yang sesuai bagi meningkatkan penglibatan sukarelawan belia.

Limitasi dalam kajian ini ialah responden yang ditemui merupakan sukarelawan yang mewakili persatuan belia di seluruh Malaysia. Kajian secara rawak yang dijalankan di seluruh Malaysia ini telah disusun atur oleh Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian akan datang dapat mengambil kira sukarelawan belia secara lebih terbuka iaitu melibatkan sukarelawan daripada pelbagai persatuan yang ada di Malaysia. Kajian juga diharapkan dapat menilai faktor-faktor yang lain secara mendalam yang mempengaruhi penglibatan sukarelawan belia.

RUJUKAN

- A. Siti Hawa. Volunteerism and the Development of Malaysian Social Care System. School of Health Science, University Science Malaysia, 2002.
- Ajzen, I., 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50 (2): 179–211.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological systems theory. In: R. Vasta (Eds), *Six theories of child development: Revised formulations and current issues* (187–250). Greenwich, CT: JAI Press.
- Browne, M. W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit, in *Testing structural equation models*. K. A. Bollen and J. S. Long, (Eds.) Newbury Park, CA: Sage
- Chacon, F., Vecina, M.L. & Davila, M.C. (2007). The three-stage model of volunteers' duration of service. *Social Behavior and Personality: An international Journal*, 35 (5), 627–642.
- Clary, E.G., Snyder, M., Ridge, R.D., Copeland, J., Stukas, A.A., Haugen, J., et al. (1998) Understanding and assessing the motivations of volunteers: a functional approach. *J. Soc. Pers. Psychol.* 74(6), 1516–1530.
- Clerkin, R. M., Paynter, S. R. & Taylor, J. K. (2009). Public Service Motivation in Undergraduate Giving and Volunteering Decisions. *The American Review of Public Administration*, 39 (6), 675–698. 10.1177/0275074008327512.
- Garver, M. S., Divine, R. L., & Spralls, S. A. (2009). Segmentation analysis of the volunteering preferences of university students. *Journal of Nonprofit & Public Sector Marketing*, 21, 1–23. Doi:10.1080/10495140802111893.
- Greenslade, J. H., & White, K. M. (2005). The prediction of aboveaverage participation in volunteerism: A test of the theory of planned behavior and the volunteer functions inventory in older Australian adults. *The Journal of Social Psychology*, 145, 155–172. doi:10.3200/SOCP.145.2.155-172.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis*. (7th ed.). Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hu & Bentler (1999). Cutoff criteria for fit indexes in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives, *Structural Equation Modeling*, 6(1), 1–55.
- Hyde, M. K., & Knowles, S. R. (2013). What predicts Australian university students' intentions to volunteer their time for community service? *Australian Journal of Psychology*, 65(3), 135–145. Doi: 10.1111/ajpy.12014.
- Law, M.F.B. (2008). Volunteer service participation among secondary school students in Hong Kong. *Dissertation Abstracts International*, 69(08A). (UMI No.3326201).
- Law, B.M.F., & Shek, D.T.L. (2009). Family influence on volunteering intention and behavior among Chinese adolescents in Hong Kong. *Adolescence*, 44 (175), 666 –683.
- Maslow, A. M. (1964). Religions, values, and peak experiences. New York: Viking Press
- Okun, M. A., & Sloane, E. S. (2002). Application of planned behavior theory to predicting volunteer enrollment by college students in a campus-based program. *Social Behavior and Personality*, 30, 243–250. doi:10.2224/sbp.2002.30.3.243.
- Olson, J.M. and Zanna, M.P. (1993) Attitudes and attitude change. *Annu. Rev. Psychol.* 44, 117–154.
- Penner, L. A. (2004). Volunteerism and social problems: Making things better or worse? *Journal of Social Issues*, 60, 645–666. doi:10.1111/j.0022-4537.2004.00377.x
- Schumacker, R. E., & Lomax, R. G. (2010). *A beginners guide to structural equation modeling*. New York: Routledge.
- Turiman Suandi, Siti Rabaah Hamzah, Wan Mahzom Ahmad Shah, Mohd Rezal Hamzah, Azizan Bahari, Ismail Ali, Wan Ibrahim Wan Ismail, Mohd Hafizi Ismail. Determinants of student volunteering in Malaysian

- Public Universities. International Conference on Youth Development 2011, Palm Garden, Putrajaya. 1st-3rd November 2011.
- United Nation Inspiration in Action, [http://www.undp.org/content/dam/india/docs/internationalvolunteer_day_factsheet_09 .pdf](http://www.undp.org/content/dam/india/docs/internationalvolunteer_day_factsheet_09.pdf) retrieved on 28 November 2013.
- Warburton, J., & Terry, D. J. (2000). Volunteer decision making by older people: A test of a revised theory of planned behaviour. *Basic and Applied Social Psychology*, 22, 245–257. Doi: 10.1207/S15324834BASP2203_11.
- Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Review of Sociology*, 26, 215–240. doi:10.1146/annurev.soc.26.1.215.
- Zaliha Hussin & Mohd Ramlan Mohd Arshad. (2012). Altruism as motivational factors toward volunteerism among youth in Petaling Jaya, Selangor, Doi: 10.7763/IPEDR. 2012. V54. 46.